



BANCI EKONOMI 2023 – MILIKAN BELIA



BILANGAN PERTUBUHAN

1,091,867

71,112

6.5%



GAJI & UPAH (RM JUTA)

354,935

12,003

3.4%



NILAI HARTA TETAP (RM JUTA)

2,059,211

32,186

1.6%



NILAI OUTPUT KASAR (RM JUTA)

3,851,806

80,699

2.1%



BILANGAN PEKERJA (ORANG)

10,004,306

374,843

3.7%



NILAI INPUT PERANTARAAN (RM JUTA)

2,349,194

35,855

1.5%



NILAI DITAMBAH (RM JUTA)


1,502,612

44,844

3.0%

Petunjuk:

- Jumlah
- Pertubuhan milikan belia
- Peratus sumbangan



Pertubuhan Milikan Belia Menjana RM80.7 Bilion Dalam Output Kasar Merentasi 71.1 Ribu Pertubuhan pada tahun 2022.

- Banci Ekonomi 2023 menunjukkan bahawa pada 2022, sebanyak 71,112 pertubuhan milikan belia direkodkan di Malaysia, mewakili 6.5 peratus daripada 1.09 juta bilangan pertubuhan. Pertubuhan ini mempunyai bilangan pekerja seramai 374,843 orang (3.7%) daripada jumlah 10.0 juta orang yang bekerja. Gaji dan upah milikan belia mencatatkan RM12.0 bilion, menyumbang 3.4 peratus daripada jumlah keseluruhan.
- Nilai output kasar bagi pertubuhan milikan belia merekodkan RM80.7 bilion merangkumi 2.1 peratus daripada jumlah keseluruhan. Input perantaraan berjumlah RM35.9 bilion, merangkumi 1.5 peratus daripada jumlah RM2.35 trilion, manakala nilai tambah mencecah RM44.8 bilion, atau 3.0 peratus daripada jumlah nilai ditambah Malaysia.
- Nilai harta tetap bagi pertubuhan milikan belia berjumlah RM32.2 bilion, mewakili 1.6 peratus daripada jumlah keseluruhan RM2.06 trilion nilai harta tetap yang dimiliki oleh semua pertubuhan di seluruh negara. Sektor Perkhidmatan merupakan penyumbang terbesar dalam milikan belia merangkumi 97.6 peratus bilangan pertubuhan (69,450). Sektor ini juga menjana RM69.4 bilion nilai output kasar (86.0%), RM11.3 bilion gaji dan upah dan RM30.2 bilion dalam nilai harta tetap (93.7%).
- Selangor mencatatkan pertubuhan milikan belia tertinggi dengan 19,888 bilangan pertubuhan (28.0%), menyumbang kepada RM36.5 bilion atau 45.3 peratus daripada jumlah nilai output kasar pertubuhan milikan belia di seluruh negara.
- Kesimpulannya, walaupun penyertaan belia dalam ekonomi masih agak sederhana, statistik ini jelas menunjukkan peranan yang penting dan sumbangan ekonomi yang signifikan oleh usahawan belia merentasi pelbagai sektor ekonomi, khususnya dalam sektor perkhidmatan. Usaha untuk menyokong dan memperkasakan pertubuhan milikan belia diperkukuh secara berterusan untuk menangani cabaran ekonomi pasca pandemik dan untuk memupuk pertumbuhan negara yang lebih inklusif dan mampan.

